

18/06/2003

`Cukup sedia hadapi peralihan pimpinan'

KUALA LUMPUR: Wanita Umno cukup bersedia menghadapi proses peralihan kuasa selepas persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober ini, kata Ketuaanya, Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Semua orang sudah mengetahuinya (Dr Mahathir akan bersara) dan kita sudah cukup bersedia sejak setahun lalu dan melihatnya daripada aspek positif peralihan kuasa itu, walaupun mungkin berlaku suasana sedih," katanya.

Beliau berkata, Wanita Umno akan memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan sesiapa juga barisan kepimpinan yang bakal dipilihnya.

"Bagi kita, antara Dr Mahathir dan Abdullah adalah dua individu berbeza yang tidak boleh dibanding-bandingkan kerana Dr Mahathir sudah memimpin lebih dua dekad, manakala Abdullah belum pun bermula dan kita perlu memberinya masa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Galeri Jatiwanita-Penjana Pembangunan Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam. Perasmian itu disempurnakan Abdullah.

Sementara itu, Rafidah berkata, beliau akan mencadangkan kepada Kabinet supaya diwujudkan galeri tetap yang dapat mempamerkan sumbangan tokoh wanita dalam pembangunan negara bagi tatapan generasi muda.

Beliau berkata, galeri itu mungkin boleh ditubuhkan di Putrajaya untuk tatapan orang ramai terhadap sumbangan wanita dalam pelbagai bidang bukan saja dalam negara, malah di pentas antarabangsa.

Mengenai Perhimpunan Agung pergerakan itu hari ini, beliau berkata, Wanita Umno akan memberi fokus kepada pilihan raya dalam perbahasan bagi memastikan kemenangan besar Barisan Nasional (BN).

"Kemenangan besar BN penting bagi menjamin setiap dasar yang digubal dapat dilaksanakan. Dua lagi usul, iaitu Pakej Strategi Baru yang diumumkan kerajaan baru-baru ini serta isu pendidikan, juga akan dibahaskan," katanya.

(END)